



Polisi Penilaian PRESTASI STAF AKADEMIK

(eLPPT)

Pepet Pendaftar
Bahagian Pengurusan Modal Insan
SINERGI TERAS KUALITI

KANDUNGAN

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1.0	PENGENALAN	6
1.1	Elemen eLPPT	7
1.2	Glosari	7
1.3	Bonus	16
1.4	Key Amal Indicator	16
1.5	Major Research	16
1.6	Minor Research	16
2.0	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	18
2.1	Peranan serta Tugas Pegawai Penilai Pertama Dan Pegawai Kedua	18
2.2	Syarat-Syarat Penentuan Pegawai Penilai	19
2.3	Tanggungjawab Pegawai Terlibat	21
3.0	Kriteria Penilaian eLPPT	30
3.1	Komponen Pengajaran	32
3.2	Komponen Penyelidikan	40
3.3	Komponen Perkhidmatan	71
4.0	Proses Kerja Dan Carta Alir	86
4.1	Perancangan Kerja	86
4.2	Carta Alir Kerja	87
5.0	Manual Pengguna Modul eLPPT	100

KATA ALUAN

BAB 1

PENGENALAN

LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN SECARA ONLINE (e-LPPT)

1.0 PENDAHULUAN

Sistem Penilaian Prestasi adalah instrumen penting dalam Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia untuk menilai pencapaian prestasi staf di UTM. Bagi memastikan Sistem Penilaian Prestasi ini dilaksanakan dengan berkesan, semua pegawai yang terlibat hendaklah memahami konsep, falsafah, objektif dan kaedah pelaksanaannya. Sistem Penilaian Prestasi hendaklah dilaksanakan dengan sistematik, objektif, adil dan telus serta mengikut prinsip, peraturan dan kaedah yang ditetapkan.

Pencapaian objektif tersebut sebahagian besarnya bergantung kepada sejauh mana sumber manusia dapat digemblengkan dengan berkesan. Penggemblerangan sumber manusia secara berkesan memerlukan perancangan kerja yang rapi, pengurusan sumber manusia yang cekap dan sistem penilaian yang objektif, adil dan telus.

Dari segi konsepnya, Sistem Penilaian Prestasi adalah suatu sistem untuk menilai pencapaian hasil kerja dan perlakuan (*behavioral*) Pegawai Yang Dinilai (PYD) secara berterusan dan bersistematik dalam tempoh masa tertentu. Perkara utama yang diberi perhatian dalam sistem ini ialah pengurusan dan penilaian prestasi. Pengurusan prestasi melibatkan proses pengukuran dan penilaian tahap pencapaian PYD iaitu dari segi penghasilan kerja dan perlakuan PYD. Penilaian hendaklah berasaskan petunjuk prestasi dan kriteria penilaian yang ditetapkan. Hasil penilaian ini dapat digunakan bagi menilai tahap pencapaian individu sekaligus menggambarkan pencapaian organisasi. Ia juga boleh digunakan untuk mengenalpasti jurang prestasi serta potensi PYD bagi tujuan latihan dan pembangunan kerjaya.

Sistem Penilaian Prestasi di UTM menggunakan sistem Laporan Penilaian Prestasi Tahunan Secara Online (eLPPT). Sistem eLPPT ini diletakkan di "*UTM Portal Management System*" yang merupakan satu sistem berasaskan web yang dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Modal Insan (HCM) dengan kerjasama Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT).

Sistem eLPPT adalah satu instrumen yang khusus digunakan untuk menilai prestasi tahunan staf akademik secara elektronik. Ianya mula diperkenalkan sejak tahun 2009 mengambilkira perkembangan teknologi maklumat semasa. Sistem ini sentiasa ditambahbaik mengambilkira keperluan pemegang taruh (*stakeholder*).

eLPPT dibangunkan adalah berasaskan pada keperluan Universiti Penyelidikan yang mana proses penilaiannya dilaksanakan dengan adil, telus dan saksama berdasarkan kepada kriteria penilaian yang jelas. Penerangan tentang kriteria penilaian ini akan dijelaskan dalam bab yang selanjutnya.

1.1 ELEMEN eLPPT

eLPPT terdiri dari beberapa elemen iaitu:

- i. Kemasukan data berkaitan Pengajaran, Penyeliaan, Penyelidikan, Penulisan dan Penerbitan, Perundingan, Harta Intelek, Pengkomersialan dan Khidmat Profesional dibuat oleh staf akademik.
- ii. Semakan dan pengesahan data oleh Pegawai Penilai Pertama (PPP1,PPP2,PPP3) dan Pusat Tanggungjawab Jabatan (PTJ) yang diberikan kuasa seperti Perpustakaan UTM, Sekolah Pengajian Siswazah, Bahagian Pengurusan Akademik dan Pusat Pengurusan Penyelidikan.
- iii. Penilaian prestasi yang dibuat oleh Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Penilai Kedua (PPK).

1.2 GLOSARI

Terminologi yang digunakan dalam e-LPPT dijelaskan seperti berikut:

- 1.2.1 **Staf Akademik (AC)** ertinya jawatan staf akademik di UTM bagi skim DS dan DG, yang tugasnya adalah untuk mengajar, menyelidik, menghasilkan penerbitan dan membuat kerja-kerja perundingan dan lain-lain.
- 1.2.2 **Pentadbir Akademik (AA)** ertinya staf akademik yang dilantik menjawat jawatan pentadbiran secara giliran untuk sesuatu tempoh yang diluluskan oleh Universiti sebagai Ketua Jabatan/Pengurus Akademik dan ke atas, bagi menguruskan tugas-tugas pentadbiran/ akademik diFakulti/ Pusat/ Institut/ Bahagian/Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- 1.2.3 **Urus Setia Pusat** ertinya Seksyen Perkhidmatan, Bahagian Pengurusan Modal Insan,Pejabat Pendaftar, UTM.

- 1.2.4 **Urus Setia PTJ** adalah Bahagian Pengurusan Modal Insan yang menguruskan Pengurusan Modal Insan di Fakulti/ Pusat/ Institut/ Bahagian/ Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- 1.2.5 **Pegawai Yang Dinilai (PYD)** adalah staf akademik yang mengisi eLPPT untuk tujuan penilaian tahunan.
- 1.2.6 **Pegawai Penilai Pertama (PPP)** adalah pentadbir akademik yang menilai prestasi tahunan staf akademik berdasarkan garis panduan yang ditetapkan. Penilaian terdiri daripada komponen Pengajaran (PPP1), Penyelidikan (PPP2) dan Perkhidmatan (PPP3).
- 1.2.7 **Pegawai Penilai Kedua (PPK)** adalah pentadbir akademik yang menilai prestasi tahunan staf akademik setelah dinilai oleh PPP berdasarkan garis panduan yang ditetapkan.
- 1.2.8 **Ketua Projek** atau **Penyelidik Utama (PI)** ditakrifkan sebagai penyelidik yang mengetuai sesuatu geran penyelidikan yang berdaftar dengan Universiti.
- 1.2.9 **Penyelidik Bersama** adalah ahli projek di dalam satu projek penyelidikan yang diketuai oleh seorang Ketua Projek (UTM atau institusi lain).
- 1.2.10 **Dana Penyelidikan** adalah dana yang diberikan kepada Ketua Projek atau Penyelidik Utama.
- 1.2.11 **Jumlah Peruntukan** ditakrifkan sebagai jumlah dana yang diluluskan oleh pembiaya geran dan disalurkan kepada Bendahari UTM. Nilai peruntukan yang diiktiraf mestilah mencapai had minimum yang ditetapkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) UTM.
- 1.2.12 **Geran dalaman** adalah semua geran yang diberikan oleh UTM seperti Geran Universiti Penyelidikan (GUP), *Instructional Development Grant* (IDG), *New Academic Staff* (NAS), *Flagship* dan sebagainya.

- 1.2.13 **Geran Luar** adalah geran selain daripada geran yang diberi oleh UTM seperti MOHE, MOSTI, MARDI, FRIM, badan kerajaan atau syarikat swasta dan GLC untuk penyelidikan kontrak, dan juga institusi luar negara. Jumlah minimum yang ditaja untuk layak diiktiraf sebagai geran penyelidikan adalah sebanyak RM30,000 untuk Sains Teknologi dan RM20,000 untuk Sains Sosial.
- 1.2.14 **Geran Antarabangsa** adalah jumlah peruntukan yang diluluskan dan ditaja oleh badan/agensi di luar Malaysia. Bagi geran antarabangsa mestilah disalurkan secara rasmi ke akaun UTM melalui Bendahari UTM atau RMC. Jumlah minimum yang ditaja untuk layak diiktiraf sebagai geran penyelidikan adalah sebanyak RM30,000 untuk Sains Teknologi dan RM10,000 untuk Sains Sosial.
- 1.2.15 **Geran Industri** adalah jumlah peruntukan yang diluluskan dan ditaja syarikat swasta dan GLC dalam Negara untuk penyelidikan kontrak seperti Proton, CIDB dan sebagainya. Jumlah minimum yang ditaja untuk layak diiktiraf sebagai geran penyelidikan adalah sebanyak RM20,000 untuk Sains Teknologi dan RM16,000 untuk Sains Sosial.
- 1.2.16 **Artikel** bagi staf UTM hanya diiktiraf jika menggunakan afiliasi UTM sahaja. Artikel yang diterbitkan sebelum tahun 2009 juga diambil kira walaupun tidak menggunakan afiliasi UTM (untuk staf UTM sahaja).
- 1.2.17 **Jurnal Web Of Science (WOS)** adalah jurnal yang diindeks oleh WOS yang mempunyai nilai *impact factor* (IF) > 0.0.
- 1.2.18 **H-index** yang diambil kira adalah yang disediakan oleh SCOPUS sahaja yang diperakukan oleh Penilai Kesepakatan dengan mengambilkira bilangan "*Self Citation*".
- 1.2.19 **Jurnal berindeks** ditakrifkan sebagai jurnal yang diindeks oleh ISI / WOS dan SCOPUS sahaja bagi sains dan teknologi dan **TIDAK TERMASUK** Prosiding Terindeks. Untuk bidang Sains Sosial termasuk Jurnal yang diindeks oleh *Excellence Research Australia* (ERA).

- 1.2.20 **Jurnal tidak berindeks** ditakrifkan sebagai jurnal yang tidak diindeks oleh ISI / WOS dan SCOPUS bagi Sains Teknologi dan untuk bidang Sains Sosial tidak termasuk jurnal yang diindeks oleh ERA.
- 1.2.21 **Corresponding author** ditakrifkan sebagai penulis yang berkomunikasi dengan editor jurnal berkenaan.
- 1.2.22 **First author** ditakrifkan sebagai penulis pertama dari kalangan staf akademik UTM di dalam turutan penulis-penulis artikel.
- 1.2.23 **Bab dalam Buku** ditakrifkan sebagai bab dalam buku tersunting (*edited book*) yang dinilai oleh penilai luar. Buku ini diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf oleh UTM. Satu (1) buku bersamaan empat (4) bab.
- 1.2.24 **Buku Karya Asli** kerja kesarjanaan (*scholarly work*) diwasit oleh penilai luar (*external refereed*) dan diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf oleh UTM.
- 1.2.25 **Buku penyelidikan** adalah buku asli hasil penyelidikan yang ditulis oleh penulis sama untuk setiap bab. Buku ini perlu dinilai oleh penilai luar dan diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf UTM.
- 1.2.26 **Pengajaran** ialah beban tugas yang melibatkan kursus yang diberi nilai kredit dan tidak berbayar termasuk Penyeliaan Projek Sarjana Muda (PSM), Praktikum, Latihan Mengajar, Penyeliaan Latihan Praktik/Industri dan '*Teaching Equivalent*'. '*Teaching Equivalent*' adalah aktiviti akademik selain yang dinyatakan dalam kurikulum dan disetarakan dengan kredit pengajaran. Contoh seperti kursus atau ceramah berkaitan akademik tanpa bayaran, penyediaan dokumen untuk tujuan pembangunan program akademik (akreditasi dan '*self assessment report*'). Ianya diberi nilai 1 kredit bersamaan dengan 40 jam beban. Sementara pengajaran tiada kredit disetarakan dengan 1 jam mengajar seminggu dan 2 jam persediaan berdasarkan 14 minggu per semester bersamaan dengan 1 kredit.
- 1.2.27 **Penyelidikan** adalah aktiviti yang melibatkan komponen penyeliaan, penghasilan input (RI) dan hasil (RO) penyelidikan.

1.2.28 **Penyeliaan** adalah proses bimbingan pelajar peringkat doktor falsafah, sarjana mod penyelidikan dan kerja kursus serta diploma lepasan ijazah.

1.2.29 **Input Penyelidikan (RI)** terdiri daripada dua sub-komponen. Pertama adalah geran penyelidikan yang diperolehi daripada geran Universiti, Kerajaan, swasta dan antarabangsa. Kedua, adalah penjanaan pendapatan hasil daripada perundingan, endowmen, hadiah, hasil pengkomersilan, pelesenan teknologi, pendapatan persidangan dan kursus.

- a. Geran Penyelidikan diambilkira jumlah peruntukan bagi tahun dinilai.
- b. Geran Antarabangsa hanya diambilkira daripada badan institusi dari luar negara.
- c. Perundingan ialah Perundingan bermaksud sebarang kerja atau aktiviti yang menggunakan kepakaran Universiti untuk tujuan penyelesaian masalah dan penjanaan pendapatan melalui UTSB dan Bendahari UTM.
- d. Hadiah ialah hasil yang diterima dari pihak luar dalam bentuk kewangan, peralatan, instrumen, bahan penyelidikan yang bernilai RM5,000.00 dan ke atas untuk tujuan penyelidikan sahaja.
- e. **Hasil Penyelidikan (RO)** terdiri daripada bilangan penerbitan dalam jurnal berindeks termasuk prosiding berwasit, jurnal tidak berindeks, bab dalam buku, buku karya asli serta lain-lain penerbitan.

1.2.30 **Perkhidmatan** terdiri daripada dua sub-komponen iaitu penglibatan dalam Pasukan Kerja (*Task Force*) serta Anugerah dan Perkhidmatan Lain di Dalam atau Luar UTM. Perkhidmatan Lain terdiri daripada penglibatan aktiviti akademik, pembentangan persidangan, keanggotaan dalam jawatankuasa di luar UTM, pengiktirafan dan anugerah dalam aktiviti akademik, pembangunan sahsiah pelajar, kegiatan dan sumbangan di luar tugas rasmi, serta penglibatan dalam MoU/MoA dan badan profesional.

a. **Pasukan Kerja (*Task Force*)**

Satu kumpulan yang dilantik untuk melaksanakan satu tugas khas yang telah dikenal pasti dan mempunyai tempoh yang telah ditetapkan. Lantikan pasukan kerja adalah sekurang-kurangnya di peringkat fakulti.

b. **Anugerah Akademik**

Anugerah Akademik adalah anugerah yang diterima berdasarkan kecemerlangan pengajaran, penerbitan, penyelidikan dan perkhidmatan diperingkat Universiti, kebangsaan dan antarabangsa seperti :

- i. Anugerah Pengajaran – Anugerah Tokoh Pengajaran dan sebagainya;
- ii. Anugerah Penerbitan – Anugerah Penulis Jurnal Berindeks, Anugerah Tokoh Penerbitan, Anugerah Terbitan Makalah Jurnal, Anugerah Buku Karya Asli Terbaik, Anugerah Penerbitan Buku dan sebagainya;
- iii. Anugerah Penyelidikan & Inovasi – Anugerah Penyelidikan Terbaik, Anugerah Inovasi dan Komersialan Produk, Anugerah Harta Intelek dan Komersialisasi, Anugerah Tokoh Penyelidik, Anugerah Perundingan dan sebagainya;
- iv. Pingat-pingat yang dimenangi dalam INATEX, ITEX, MTE, IENA, BIS, SIF dan sebagainya;
- v. Anugerah peringkat kebangsaan meliputi Akademi Sains Negara, Akademi Perubatan Malaysia, Anugerah Akademik Negara, Anugerah Tokoh Akademik Negara dan lain-lain;
- vi. Anugerah peringkat antarabangsa meliputi Anugerah UNESCO, WHO dan sebagainya.

- c. **Anugerah Lain**
Anugerah yang diterima selain daripada nama-nama anugerah akademik dengan syarat mempunyai kedudukan sebagai satu pengiktirafan tinggi di atas sesuatu sumbangan atau pencapaian yang dihasilkan berasaskan kepakaran.
- d. **Ucaptama / Plenari / Penceramah Jemputan**
Seseorang yang dijemput untuk pembentangan bagi memberikan pandangan tentang sesuatu perkara dalam bidang kepakaran.
- e. **Ahli Lembaga Pengajian**
Pakar yang dilantik untuk memberi nasihat bagi pembentukan/penambahbaikan/semakan bagi program pengajian akademik yang baru di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) lain untuk menilai program peringkat Pra Siswazah dan Pasca Siswazah.
- f. **Ahli Lembaga Pengarah Industri / IPT / Ketua Pasukan Petugas**
i. Pakar yang dilantik untuk menganggotai keahlian Lembaga Pengarah sesebuah organisasi samaada di peringkat industri atau IPT.
ii. Ketua Pasukan Petugas adalah seseorang yang dilantik untuk melaksanakan satu tugas khas di peringkat kebangsaan untuk tempoh yang tertentu.
- g. **Penilai Artikel Jurnal / Persidangan**
Seseorang yang dilantik untuk menilai kertas kerja teknikal yang ditulis untuk tujuan penerbitan jurnal.
- h. **Editor Artikel Jurnal / Persidangan**
Seseorang yang dilantik untuk mengetuai atau menjadi ahli panel/lembaga editor sesebuah jurnal.
- i. **Pemeriksa Luar Tesis**
Pakar yang dilantik untuk menilai tesis pelajar di IPT lain untuk Sarjana dan PhD secara penyelidikan sahaja.

- j. **Pemeriksa Luar Program**
Pakar yang dilantik untuk menilai sesuatu program pengajian akademik di IPT lain. Program akademik yang terlibat meliputi program peringkat Pra Siswazah dan Pasca Siswazah sahaja.
- k. **Pakar Rujuk**
Pakar yang dilantik untuk memberi pandangan dan nasihat dalam bidang kepakaran masing-masing.
- l. **Fasilitator**
Pakar atau penceramah yang dilantik sebagai pemudahcara sekurang-kurangnya di peringkat Universiti/ luar Universiti.
- m. **Penilai Manuskrip Buku**
Seseorang yang dilantik untuk menilai Manuskrip Buku yang diiktiraf oleh Universiti.
- n. **Keahlian Jawatankuasa (Pengerusi / AJK)**
Keahlian yang dilantik bagi tempoh tertentu sekurang-kurangnya di peringkat fakulti.
- o. **Jawatankuasa**
Satu kumpulan yang dilantik untuk melaksanakan aktiviti dengan skop dan terma rujukan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini termasuk jawatankuasa dalam Badan Penasihat / Badan Profesional seperti Majlis Fatwa, NGO dan lain-lain yang diiktiraf oleh panel penilai kesepakaran.
- p. **Resource Person untuk kursus pendek/latihan**
Resource person merujuk kepada pakar rujuk/pemudahcara sekurang-kurangnya di peringkat fakulti dan diiktiraf oleh universiti sebagai penyumbang kepada ide-ide inovatif dan kreatif.

- q. **Perkhidmatan ke agensi luar/industri/jabatan/IPT/Institusi Luar**
Lantikan yang merujuk kepada pengiktirafan kepakaran/kewibawaan/keimpinan sekurang-kurangnya di peringkat Universiti/tempatan yang diiktiraf oleh Universiti.
- r. **Projek Perundingan**
Perundingan bermaksud sebarang kerja atau aktiviti yang menggunakan kepakaran Universiti untuk tujuan penyelesaian masalah dan penjana pendapatan melalui UTSB dan Bendahari UTM.
- s. **Pegawai Pelaksana Jaringan Industri**
Staf yang dilantik sebagai Ketua/Ahli yang mengambil inisiatif dan menyelaras bagi memastikan MOA/MOU/LOI ditandatangani dan dilaksanakan seperti dirancang.
- t. **MOA/MOU**
MOA/MOU merujuk kepada mereka yang menghasilkan MOA/MOU dengan agensi luar.
- u. **Keanggotaan Dalam Jawatankuasa Badan Penasihat/Badan Profesional**
- i. Badan Penasihat adalah satu kumpulan pakar rujuk/persatuan/NGO yang berperanan memberi nasihat dan diiktiraf oleh Universiti.
 - ii. Badan Profesional adalah satu kumpulan yang dilantik dalam melaksanakan aktiviti dengan skop dan terma rujukan yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini termasuk jawatankuasa dalam Badan Profesional seperti IEM, LAM, BEM, dll.
 - iii. Pengerusi/AJK kepada satu Badan Penasihat/Badan Profesional yang diterima dan diiktiraf oleh jawatankuasa panel penilai kesepakaran – sekurang-kurangnya satu pada waktu memegang jawatan semasa.

- 1.3 Bonus** ialah tambahan markah yang diberi kepada staf bagi sumbangan dalam webometrik, menggraduankan pelajar dalam tempoh yang ditetapkan (GOT), paten, pengkomersilan, harta intelek dan lebihan sumbangan penerbitan berimpak.
- 1.4 Key Amal Indicators (KAI)** ialah petunjuk prestasi utama tahunan yang ditentukan oleh Ketua PTJ.
- 1.5 Major Research** ialah klasifikasi yang diberikan kepada PYD yang mengendalikan kursus yang kurang daripada 18 kredit tanpa mengambil kira *Teaching Equivalent*.
- 1.6 Minor Research** ialah klasifikasi yang diberikan kepada PYD yang mengendalikan kursus yang sama atau lebih 18 kredit tanpa mengambil kira *Teaching Equivalent*.

BAB 2
PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

2.0 PENDAHULUAN

Setiap staf adalah bertanggungjawab untuk menilai prestasi perkhidmatan semasa. Dalam bab ini akan menerangkan peranan serta tugas Pegawai Yang Dinilai (PYD), Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK).

Garis panduan bagi pelantikan Pegawai Penilai Sistem Penilaian Prestasi Akademik eLPPT adalah seperti di lampiran I.

2.1 PERANAN SERTA TUGAS PEGAWAI PENILAI PERTAMA DAN PEGAWAI PENILAI KEDUA

Kekuatan dan keberkesanan Sistem Penilai Prestasi terletak di atas peranan serta komitmen Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Penilai Kedua bagi melaksanakan tanggungjawab mereka di dalam tugas berikut:

- a. Pegawai Penilai Pertama hendaklah menetapkan dan menentukan program tindakan dan rancangan kerja bagi bahagian/unit/aktiviti di bawah tanggungjawabnya selaras dengan dasar, rancangan dan strategi jabatan.
- b. Pegawai Penilai Kedua hendaklah memastikan Pegawai Penilai Pertama berbincang dengan Pegawai Yang Dinilai semasa menetapkan Sasaran Kerja Tahunan.
- c. Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Penilai Kedua hendaklah menetapkan petunjuk prestasi bagi setiap aktiviti/projek yang akan dijadikan asas pencapaian kerja setiap pegawai di bawah penyeliaan mereka. Ukuran petunjuk prestasi itu hendaklah dibuat semasa penetapan Sasaran Kerja Tahunan. Petunjuk prestasi hendaklah diwujudkan bagi setiap aktiviti/projek dalam sesebuah organisasi untuk mengukur tahap pencapaian prestasi seseorang pegawai yang boleh diterima oleh organisasi. Sasaran Kerja Tahunan hendaklah bersifat realistik, spesifik dan boleh diukur serta mempunyai sekurang-kurangnya satu petunjuk prestasi iaitu kuantiti, kualiti, masa atau kos.

- d. Pegawai Penilai Pertama hendaklah menyelia kerja yang dijalankan oleh Pegawai Yang Dinilai melalui pengawasan dan bimbingan yang berterusan.
- e. Pegawai Penilai Pertama hendaklah berbincang dengan Pegawai Yang Dinilai mengenai kemajuan kerja di pertengahan tahun dan pada akhir tahun untuk mengenalpasti masalah pelaksanaan dan mengambil tindakan untuk mengatasinya serta membuat pengubahsuaian strategi pelaksanaan Sasaran Kerja Tahunan.
- f. Pegawai Penilai Pertama dikehendaki membuat penilaian dan ulasan mengenai prestasi Pegawai Yang Dinilai setelah membincangkannya dengan Pegawai Yang Dinilai serta membuat perakuan yang sesuai dengan menggunakan sistem Laporan Penilaian Prestasi Tahunan yang berkenaan. Laporan Penilaian Prestasi Tahunan yang telah diisi oleh Pegawai Penilai Pertama hendaklah dihantar kepada Pegawai Penilai Kedua secara atas talian.
- g. Pegawai Penilai Kedua juga dikehendaki membuat penilaian prestasi Pegawai Yang Dinilai selepas Pegawai Penilai Pertama membuat penilaiannya. Sekiranya terdapat perbezaan penilaian yang ketara, khususnya yang menyebabkan markah keseluruhan (purata) jatuh ke tahap yang tidak memuaskan, Pegawai Penilai Kedua hendaklah menyatakan alasan perbezaan itu dan memaklukkannya kepada Pegawai Yang Dinilai. Peraturan ini tidak terpakai bagi Pegawai Yang Dinilai yang hanya dinilai oleh Pegawai Penilai Pertama.

2.2 SYARAT-SYARAT PENENTUAN PEGAWAI PENILAI

- 2.2.1 Dua peringkat pegawai yang terlibat dalam membuat penilaian prestasi Pegawai Yang Dinilai iaitu Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Penilai Kedua. Definisi Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Penilai Kedua adalah seperti berikut:

- a. Pegawai Penilai Pertama ialah pegawai atasan atau penyelia yang terdekat kepada Pegawai Yang Dinilai dan mempunyai hubungan kerja secara langsung atau yang mengawasi kerjanya.
- b. Pegawai Penilai Kedua ialah pegawai atasan yang terdekat kepada Pegawai Penilai Pertama dan mempunyai hubungan kerja dengan Pegawai Yang Dinilai. Jika hanya terdapat satu peringkat penyeliaan, maka penilaian bolehlah dibuat oleh Pegawai Penilai Pertama sahaja.

2.2.2 Penentuan Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Penilai Kedua perlu menepati syarat berikut:

- a. Mempunyai hubungan kerja dan penyeliaan secara langsung di antara Pegawai Yang Dinilai dan Pegawai Penilai Pertama.
- b. Gred/Jawatan Pegawai Penilai Pertama hendaklah lebih tinggi daripada gred/jawatan Pegawai Yang Dinilai mengikut komponen penyeliaan dan penilaian.
- c. Tiada hubungan kekeluargaan terdekat sama ada melalui pertalian darah atau perkahwinan (suami, isteri, anak, adik-beradik, anak saudara, mertua, menantu, ipar, sepupu atau biras) di antara Pegawai Yang Dinilai dengan Pegawai Penilainya.
- d. Tempoh penyeliaan seelok-eloknya tidak kurang daripada 6 bulan dalam sesuatu tahun penilaian. Sekiranya Pegawai Yang Dinilai itu berkhidmat di dua jabatan yang berlainan dalam tempoh yang sama panjangnya, kedua-dua Pegawai Penilai Pertama yang terbabit dikehendaki menilai secara bersama.
- e. Pegawai Yang Dinilai yang diselia oleh lebih daripada seorang Pegawai Penilai Pertama dalam tempoh masa yang berbeza-beza dan tidak ada pegawai kanan yang lain yang layak membuat penilaian, maka Pegawai Penilai Pertama yang paling lama tempoh penyeliaannya bolehlah membuat penilaian tersebut.

- f. Sekiranya tiada Pegawai Penilai Pertama yang layak menilai kerana tempoh penyeliaannya kurang dari 6 bulan dalam tahun yang dinilai, maka penilaian hendaklah dibuat oleh pegawai yang lebih tinggi yang terdekat dan mempunyai hubungan kerja dengan Pegawai Yang Dinilai.
- g. Walau apapun peruntukan di perenggan 2.3.2 (d), (e) dan (f), tempoh penyeliaan minimum untuk tujuan penilaian prestasi ialah 3 bulan.
- h. Sekiranya Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tidak disediakan oleh Pegawai Penilai Pertama yang telah bersara, meletak jawatan atau tidak dapat dikesan, laporan prestasi Pegawai Yang Dinilai hendaklah disediakan oleh Pegawai Penilai Kedua.

2.3 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI TERLIBAT

2.3.1 Pegawai Yang Dinilai (PYD)

- a) Kemasukan Rekod 7P
 - i. PYD bertanggungjawab memasukkan Rekod 7P yang mengandungi komponen pengajaran, penyeliaan, penyelidikan, perundingan, penulisan & penerbitan dan perkhidmatan.
 - ii. PYD perlu memasukkan data yang berkaitan dengan tugas masing-masing mengikut kriteria yang diperlukan dan tepat.
 - iii. PYD perlu memuatnaik lampiran yang sah bagi setiap rekod dalam format PDF sebagai bukti.
 - iv. Data yang dimasukkan adalah berdasarkan kerja-kerja yang diisyiharkan pada tahun yang berkenaan sahaja.
 - v. PYD adalah dibenarkan untuk masukkan proses penilaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) bagi tahun yang dinilai dan ianya terhad tidak melebihi 12 bulan.

- b) Penilaian
 - i. PYD bertanggungjawab menyemak dan memastikan data yang dimasukkan adalah betul dan sahih dan seterusnya menekan menu sedia untuk dinilai.

2.3.2 Pegawai Penilai

2.3.2.1 Pegawai Penilai Pertama (PPP)

- a) Pengesahan Rekod 7P
 - i. Pegawai Penilai Pertama 1 (PPP1)
Membuat pengesahan komponen Pengajaran dan Penyeliaan.
 - ii. Pegawai Penilai Pertama 2 (PPP2)
Membuat pengesahan komponen Penyelidikan, Penulisan dan Penerbitan, Perundingan, Harta Intelek dan Pengkomersilan.
 - iii. Pegawai Penilai Pertama 3 (PPP3)
Membuat pengesahan komponen Khidmat Profesional dan KPI (Jika ada).
- b) Penilaian Prestasi
 - i. Pegawai Penilai Pertama 1 (PPP1)
Membuat penilaian komponen Pengajaran dan Penyeliaan.
 - ii. Pegawai Penilai Pertama 2 (PPP2)
Membuat penilaian komponen Penyelidikan Input (RI) dan Hasil Penyelidikan (RO).
 - iii. Pegawai Penilai Pertama 3 (PPP3)
Membuat penilaian komponen Perkhidmatan dan Key Amal Indikator (KAI).

2.3.2.2 Pegawai Penilai Kedua (PPK)

Membuat Penilaian Prestasi Keseluruhan Bahagian.

2.3.3 PSM PTJ

- a) Membuat semakan, pendaftaran klasifikasi dan pemakluman kepada staf.
- b) Membuat penetapan dan pendaftaran Pegawai Penilai Semasa.
- c) Mengadakan Mesyuarat Pembangunan Sumber Manusia Peringkat PTJ seperti semakan markah, pindaan markah ke dalam sistem dan pengesahan PSM.

2.3.4 Urus setia eLPPT

- a) Memantau dan menyelia proses penilaian prestasi staf akademik.
- b) Membatalkan pengesahan penilaian yang dibuat oleh PYD, PPP dan PPK.

2.3.5 Mesyuarat Pembangunan Sumber Manusia Peringkat Universiti

- a) Menentukan proses tindakan pelaksanaan Sistem Penilaian Prestasi mengikut jadual yang ditetapkan.
- b) Menganalisis prestasi keseluruhan Pegawai Yang Dinilai yang terlibat dan menyediakan laporan untuk makluman.
- c) Mengambil tindakan susulan ke atas syor dan keputusan Panel Pembangunan Sumber Manusia seperti pergerakan gaji, mengadakan latihan, penempatan, bimbingan dan kaunseling kepada Pegawai Yang Dinilai.

LAMPIRAN I

GARIS PANDUAN LANTIKAN PEGAWAI PENILAI UNTUK STAF AKADEMIK

KATEGORI	PPP1	PPP2	PPP3	PPK
FAKULTI				
DG41, DG44, DS45, DS51, DS52, DS53, DS54, VK07, VK06, VK05, DS02 (AC)	Ketua Jabatan	Ketua Kumpulan Penyelidikan	Ketua Jabatan	Timbalan Dekan
Ketua RG	Ketua Jabatan / Timbalan Dekan	Dekan RA	Timbalan Dekan	Dekan Fakulti / TNC (P&I)
Pentadbir Akademik Ketua Jabatan (Fakulti)	Timbalan Dekan	Ketua Kumpulan Penyelidikan / Dekan RA	Dekan Fakulti / Timbalan Dekan	Dekan Fakulti
Pentadbir Akademik Pengurus Akademik Fakulti (UG) / Pengurus Akademik Fakulti (PG) / Pengurus Akademik Program Luar / Pengurus Teknologi Maklumat	Ketua Jabatan	Ketua Kumpulan Penyelidikan / Dekan RA	Dekan Fakulti/Timbalan Dekan	Dekan Fakulti
Pentadbir Akademik Penyelaras Kerja Kursus / Penyelidikan	Ketua Jabatan	Ketua Kumpulan Penyelidikan / Dekan RA	Pengurus Akademik Fakulti (PG) / (UG) / Timbalan Dekan	Timbalan Dekan/ Dekan Fakulti

KATEGORI	PPP1	PPP2	PPP3	PPK
Pentadbir Akademik Pengurus Makmal Fakulti	Ketua Jabatan	Ketua Kumpulan Penyelidikan / Dekan RA	Pengarah Makmal Universiti/ Timbalan Dekan	Dekan Fakulti
Pentadbir Akademik Timbalan Dekan (Fakulti)	Ketua Jabatan	Ketua Kumpulan Penyelidikan / Dekan RA	Dekan Fakulti / Pengarah	TNC (A&A) / TNC (P) / TNC(PI) / Pengarah / Pengarah Kampus
Pentadbir Akademik Dekan (Fakulti)	TNC (A&A)	Dekan RA	TNC (A&A)	NC

KATEGORI	PPP1	PPP2	PPP3	PPK
PUSAT KECEMERLANGAN (CoE) PENYELIDIKAN				
DG41, DG44, DS45, DS51, DS52, DS53, DS54, VK07, VK06, VK05, DS02 (AC)	Ketua Jabatan (Fakulti)	Ketua Kumpulan Penyelidikan	Pengarah CoE / Dekan RA/Ketua Jabatan	Dekan RA
Ketua RG	Ketua Jabatan / Timbalan Dekan	Dekan RA / Pengarah CoE	Dekan RA/ Pengarah COE / Dekan Fakulti	TNC (P&I)
Pentadbir Akademik Dekan (RA)	Dekan Fakulti	TNC (PI) / Dekan RA / Ketua Kumpulan Penyelidikan	TNC (PI)	TNCPI / NC
Pentadbir Akademik Pengarah CoE	Dekan Fakulti	TNC (PI) / Dekan RA / Ketua Kumpulan Penyelidikan	TNC (PI)	TNCPI / NC

KATEGORI	PPP1	PPP2	PPP3	PPK
Pusat Sokongan / Teaching				
Pentadbir Akademik Timbalan Dekan / Timbalan Pengarah / Timbalan Pengarah Makmal (Service / Teaching) Pengurus Akademik Pengetua Kolej Pengurus Teknologi Maklumat	Ketua Jabatan (Fakulti)	Ketua Kumpulan Penyelidikan / Dekan RA	Timbalan Dekan / Timbalan Pengarah / Dekan Fakulti / Dekan / Pengarah / Pengarah Makmal / TNC (P) / TNC (PI) / TNC (A&A) / TNC (HEMA) / Pengarah Kampus	Dekan / Pengarah / TNC (A&A) / TNC (P) / TNC (PI) / TNC (HEMA) / Pengarah Kampus
Pentadbir Akademik Pengarah / Dekan / Pengarah Makmal (Service/Teaching)	Ketua Jabatan (Fakulti) / Timbalan Dekan / Dekan Fakulti	Dekan RA / Ketua Kumpulan Penyelidikan	TNC (P) / TNC (PI) / TNC (A&A) / TNC (HEMA) / Pengarah Kampus	TNC (PI) / TNC (A&A) / TNC (HEMA) / TNC (P) / Pengarah Kampus / NC

** Bagi jawatan yang bertindih (lebih daripada satu), jawatan yang dinilai adalah yang mendapat elaun.

** Bagi gred jawatan DA41 (Tutor) menggunakan e-LNPT

Penentuan Pegawai untuk pengesahan dan penilaian

Jenis Pegawai	AC (Pensyarah)	AA (Pentadbir Akademik)
PPP1	Pengajaran, Penyeliaan	Pengajaran, Penyeliaan
PPP2	Penyelidikan, Perundingan, Penulisan & Penerbitan	Penyelidikan, Perundingan, Penulisan & Penerbitan
PPP3	KPI, Khidmat Profesional	KPI, Khidmat Profesional
PPK	Keseluruhan	Keseluruhan

Kuatkuasa 1 Januari 2014

BAB 3
KRITERIA PENILAIAN eLPPT

3.0 PENGENALAN

Setiap staf akademik akan dinilai berdasarkan kepada tiga (3) komponen iaitu pengajaran, penyelidikan dan khidmat masyarakat. Peratusan markah diagihkan kepada tiga (3) komponen berdasarkan kepada kategori staf dan PTJ.

Bagi Pentadbir Akademik (AA) dan staf yang berada di Pusat Kecemerlangan (CoE), komponen KAI ditambah selain daripada 3 komponen di atas. Jadual 3.1 dan Jadual 3.2 menunjukkan peratusan untuk setiap komponen untuk Staf Akademik (AC) dan Pentadbir Akademik (AA). Selain daripada 4 komponen yang dinyatakan, terdapat juga komponen bonus bagi memacu kecemerlangan Staf Akademik (AC dan AA) dalam bidang-bidang tumpuan universiti seperti Penulisan Berimpak, menggraduatkan pelajar dalam tempoh yang ditetapkan (GoT), WeboMetrik, Harta Intelek dan Pengkomersialan.

Jadual 3.1 Kategori, Komponen dan Peratusan bagi Staf Akademik (AC)

PTJ	KATEGORI (AC)	PENGAJARAN	PENYELIDIKAN			PERKHIDMATAN		KAI
			PGS	RI	RO	Kerja Pasukan dan Personaliti	Anugerah dan Perkhidmatan Lain	
CoE	Penyelidikan Penuh	2.5%	15%	15%	30%	7.5%	5%	25%
	Penyelidikan Major	12.5%	15%	15%	20%	7.5%	5%	25%
FAKULTI	Penyelidikan Major	25%	15%	15%	20%	15%	10%	0%
	Penyelidikan Minor	50%	7.5%	7.5%	10%	15%	10%	0%
UTMSPACE / AKADEMI BAHASA	Penyelidikan Minor	70%	5%			15%	10%	0%

Catatan: PGS: Pelajar Pasca Ijazah
 RI: Input Penyelidikan
 RO: Output Penyelidikan

Jadual 3.2 Kategori, Komponen dan Peratusan bagi Pentadbir Akademik (AA)

PTJ	KATEGORI (AC)	PENGAJARAN	PENYELIDIKAN			PERKHIDMATAN		KAI
			PGS	RI	RO	Kerja Pasukan	Anugerah dan Perkhidmatan Lain	
CoE	Penyelidikan Penuh	2.5%	10%	12.5%	12.5%	7.5%	5%	50%
	Penyelidikan Major	12.5%	7.5%	7.5%	10%	7.5%	5%	50%
FAKULTI	Penyelidikan Major	12.5%	7.5%	7.5%	10%	7.5%	5%	50%
	Penyelidikan Minor	25%	3.5%	4%	5%	7.5%	5%	50%
UTMSPACE / AKADEMI BAHASA	Penyelidikan Minor	32.5%	5%			7.5%	5%	50%

Catatan: PGS: Pelajar Pasca Ijazah

RI: Input Penyelidikan

RO: Output Penyelidikan

3.1 KOMPONEN PENGAJARAN

Pengajaran ialah beban tugas yang melibatkan kursus yang diberi nilai kredit dan tidak berbayar termasuk Penyeliaan Projek Sarjana Muda (PSM), Praktikum, Latihan Mengajar, Penyeliaan Latihan Praktik/Industri, makmal, kerja lapangan dan Kesetaraan Pengajaran ('*Teaching Equivalent*'). Ianya merangkumi pengajaran bagi Program Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma.

Komponen pengajaran ini terdiri daripada 3 sub komponen iaitu kuantiti pengajaran, kualiti pengajaran dan Laporan Penilaian Kursus (CAR) yang membawa markah penuh sebanyak 40 markah. Pembahagian markah adalah seperti dalam Jadual 3.3 di bawah yang akan diterjemahkan dalam peratusan mengikut kategori dan peranan staf seperti dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.3 Pembahagian Markah bagi Setiap Komponen Pengajaran

SUB-KOMPONEN	MARKAH MAKSIMUM
a) Kuantiti Pengajaran	20
b) Kualiti Pengajaran	15
c) Laporan Penilaian Kursus (CAR)	5
JUMLAH	40

Jadual 3.4 Peratusan Markah Mengikut Kategori dan Peranan Staf

PTJ	KATEGORI	STAF AKADEMIK (AC)	PENTADBIR AKADEMIK (AA)
CoE	Penyelidikan Penuh	2.5%	2.5%
	Penyelidikan Major	12.5%	12.5%
Fakulti	Penyelidikan Major	25%	12.5%
	Penyelidikan Minor	50%	25%
UTMSPACE / Akademi Bahasa	Penyelidikan Minor	70%	32.5%

3.1.1. Kuantiti Pengajaran

Kuantiti Pengajaran terdiri daripada 2 sub komponen iaitu Pengkuliahan dan Aktiviti Selain Pengkuliahan. Markah untuk Pengkuliahan bagi kategori Penyelidikan Minor, Penyelidikan Major dan Penyelidikan Penuh (Total Research) untuk Pensyarah, Ketua Jabatan/Penyelaras Program/Pengurus Makmal, Dekan/Timbangan Dekan/Ketua Jabatan, Pengarah di CoE / Dekan RA dan Pensyarah di CoE diberikan dalam Jadual 3.5. Jumlah markah bagi sub komponen ini adalah 20 markah.

Bagi sub komponen Aktiviti Selain Pengkuliahan seperti Pratikum, Latihan Industri, Projek Sarjana Muda/Projek dan *Teaching Equivalent* diberikan dalam Jadual 3.6.

Jadual 3.5 Markah untuk Kuantiti Pengkuliahan kategori Penyelidikan Minor, Penyelidikan Major dan Penyelidikan Penuh (Maksimum 20 markah)

	PENYELIDIKAN PENUH	PENYELIDIKAN MINOR	PENYELIDIKAN MAJOR	MARKAH	MARKAH MAKSIMUM
Sub subKomponen 1 (Kuantiti)					
1. Pengajaran					
a. Pensyarah	-	12 kredit / sesi	6 kredit / sesi	15	15
b. Ketua Panel/ Koordinator Program / Ketua Makmal	-	9 kredit / sesi	5 kredit / sesi	15	15
c. Dekan / Timbalan Dekan / Ketua Jabatan	-	6 kredit / sesi	3 kredit / sesi	20	20
d. PengarahCoE / Dekan RA	-	-	3 kredit / sesi	20	20
e. Pensyarah di CoE	-	-	3 kredit / sesi	15	15
f. Pensyarah di CoE	1 kredit / sesi	-	-	20	20

Catatan: Markah Penuh 40

a) Kuantiti: 20 (Sub Komponen 1 + Sub Komponen 2)

b) Kualiti: 15

c) Laporan Penilaian Kursus: 5 (Unit Kualiti)

Jadual 3.6 Pecahan Markah Sub Komponen Aktiviti Selain Pengkuliahan

(Maksimum 20 markah)

	PENYELIDIKAN MINOR	PENYELIDIKAN MAJOR	PENYELIDIKAN PENUH	MARKAH	MARKAH MAKSIMUM
Sub subKomponen 2 (Kuantiti)					
1. Praktikum	4 pelajar / sesi	4 pelajar / sesi	-	5	5
2. Industrial Training	10 pelajar / sesi	10 pelajar / sesi	-	5	
3. PSM/ Projects	3 pelajar / sesi	3 pelajar / sesi	-	5	
4. Teaching Equivalent	4 kredit / sesi	4 kredit / sesi	-	5	

Catatan: Markah Penuh 40

- a) Kuantiti: 20 (Sub Komponen 1 + Sub Komponen 2)
- b) Kualiti: 15
- c) Laporan Penilaian Kursus: 5 (Unit Kualiti)

Markah Kuantiti Pengajaran bagi Guru Bahasa pula adalah seperti dalam Jadual 3.7.

Jadual 3.7 Pecahan Markah Kuantiti Pengajaran bagi Guru Bahasa

(Maksimum 20 markah)

	PENYELIDIKAN MINOR	MARKAH	MARKAH MAKSIMUM
Sub Komponen 1			
1. Penyelidikan	KreditKursus		
a. Pengajaran	20 kredit / sesi	15	15
b. Pengajaran (ELSP)	12 kredit / sesi	15	15
Sub Komponen 2			
2. Praktikum	2 pelajar / sesi	5	5
3. Jawatankuasa Pengajaran	2 jawatankuasa / sesi	5	
4. PSM/Projek	1 pelajar / sem.	5	
5. 'Teaching Equivalent'	4 kredit / sesi	5	

Catatan: Markah Penuh 40

- a) Kuantiti: 20 (Sub Komponen 1 + Sub Komponen 2)
- b) Kualiti: 15
- c) Laporan Penilaian Kursus: 5 (Unit Kualiti)

Bagi staf di *UTMSPACE* pula, markah Kuantiti Pengajaran adalah seperti dalam Jadual 3.8.

Jadual 3.8 Pecahan Markah Kuantiti Pengajaran bagi *UTMSPACE*

(Maksimum 20 markah)

	MINOR RESEARCH	MARKS	MAX MARKS
Sub Komponen 1			
1. Pengajaran			
a. Pensyarah	16 kredit / sesi	15	15
Sub Component 2			
2. Praktikum	4 pelajar / sesi	5	5
3. LatihanPraktikal	10 pelajar / sesi	5	
4. Projek Diploma	2 kumpulan / semester	5	
5. 'Teaching Equivalent'	4 kredit / sesi	5	

Catatan: Markah Penuh 40

- a) Kuantiti: 20 (Sub Komponen 1 + Sub Komponen 2)
- b) Kualiti: 15
- c) Laporan Penilaian Kursus: 5 (Unit Kualiti)

$$\frac{\text{markah}}{40} \times \text{peratus} = ?$$

Bagi saiz kelas yang melebihi 60 pelajar akan diberikan Faktor Pemberat seperti dalam Jadual 3.9. Faktor Pemberat ini akan didarabkan dengan kredit kursus.

Jadual 3.9 Faktor Pemberat bagi Kelas Bersaiz Besar

CLASS SIZE	WEIGHTING FACTOR
60 or less	1.0
61 - 70	1.1
71 - 80	1.2
81 - 90	1.3
91 - 100	1.4
101 - 110	1.5
111 - 120	1.6
121 - 130	1.7
131 - 140	1.8
141 - 150	1.9
> 150	2.0

Pemberat Berdasarkan Saiz Kelas:

Faktor Pemberat x Kredit (Sub Komponen 1)

3.1.2 Kualiti Pengajaran

Kualiti Pengajaran meliputi aktiviti seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.10. Jumlah markah bagi komponen ini adalah 15 markah. Kualiti Pengajaran ini akan dinilai oleh PPP1. PPP1 juga boleh menggunakan budibicara untuk menggunakan penilaian ePPP dalam menilai Kualiti Pengajaran.

Jadual 3.10 Pecahan Markah Kualiti Pengajaran (Maksimum 15 markah)

AKTIVITI	MARKAH MAKSIMUM
Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian (<i>Online Teaching & Learning</i>) (e-Learning)	5
Perbelajaran Berpusatkan Pelajar (<i>Student-Centered Learning</i>) (PBL, Active Learning, Cooperative Learning)	5
Pengajaran dengan Multimedia (<i>Teaching With Multimedia</i>)	5
Penggunaan / Kemahiran Insaniah dalam Pengajaran dan Pembelajaran (<i>Inculcation of Soft Skills in Teaching & Learning</i>)	5
'Mentor Mentee'	5
Penilaian Rakan Sebaya (<i>Peer Review</i>)	5
Kerja Sepasukan bagi Pengajaran dan Pembelajaran (<i>Teaching & Learning Task Force</i>) (CTL, Kualiti, UG, Faculty)	5
Portfolia Pengajaran (<i>Teaching Portfolio</i>)	5

3.1.3 Laporan Penilaian Kursus (*Course Assesment Report (CAR)*)

Laporan penilaian kursus yang disediakan oleh Staf Akademik (AC) pada akhir setiap semester akan dinilai oleh PPP1. Markah penuh (5 markah) akan diberikan kepada CAR yang lengkap sementara tiada markah sekiranya tidak lengkap.

3.2 KOMPONEN PENYELIDIKAN

Penyelidikan ialah aktiviti saintifik (sains teknologi dan sains sosial) yang dijalankan oleh staf akademik yang bertujuan untuk menghasilkan penemuan terbaru di dalam bidang kepakaran masing-masing di mana penemuan tersebut dapat menambah dan mengembangkan *body of knowledge* sama ada diperingkat nasional ataupun antarabangsa.

Komponen penyelidikan ini terdiri daripada tiga (3) sub komponen iaitu Penyelidikan Pelajar Pasca Ijazah (PGS), Input Penyelidikan (RI) dan Output Penyelidikan (RO). Agihan beban penyelidikan adalah bergantung kepada kategori penyelidikan (*Total Research, Major Research, Minor Research*), kategori staf (*AA, AC*) dan pusat tanggungjawab (*CoE, Fakulti, UTMSpace/DG*). Peratusan ini adalah antara 5% hingga 50%. (Rujuk Jadual 3.11)

Jadual 3.11 Pembahagian markah

Sub Komponen	Markah Maksima
Pelajar Pasca Ijazah (PGS)	20
Input Penyelidikan (RI)	100
Output Penyelidikan (RO)	100

Jadual 3.12 Agihan Beban Penyelidikan Berdasarkan Kategori Penyelidikan, Kategori Staf Dan Pusat Tanggungjawab

PTJ	Kategori	Academic Staf(AC)				Academic Admin (AA)			
		PGS	RI	RO	Total	PGS	RI	RO	Total
CoE	Total Research	15%	15%	30%	50%	10%	12.5%	12.5%	35%
	Major Research	15%	15%	20%	50%	7.5%	7.5%	10%	25%
Fakulti	Major Research	15%	15%	20%	50%	7.5%	7.5%	10%	25%
	Minor Research	7.5%	7.5%	10%	25%	3.5%	4%	5%	12.5%
UTMSpace / DG	Minor Research	5%			5%	5%			5%

3.2.1 Input Penyelidikan (RI)

Input penyelidikan adalah kemasukan elemen-elemen yang membolehkan penyelidikan dijalankan seperti dana penyelidikan dan dana perundingan. Terdapat dua sub-komponen untuk RI (*Research Grant* – 67 markah dan *Income Generation* – 33 Markah). Pecahan markah adalah seperti Jadual 3.13 Pecahan markah bagi sub-komponen 1Geran Penyelidikan dan Jadual 3.14 pecahan markah bagi sub-komponen 2Penjanaan Pendapatan.

Jadual 3.13 Pecahan markah bagi sub-komponen 1Geran Penyelidikan

No	Sub Komponen 1 – Geran Penyelidikan	Markah Maksima
1	Dana daripada Agensi Kerajaan (GUP, Institusi)	67 (BOLEH melimpah kepada Sub Komponen 2)
2	Dana Swasta termasuk Kontrak Penyelidikan (Lain-lain)	
3	Dana Antarabangsa	

Jadual 3.14 pecahan markah bagi sub-komponen 2Penjanaan Pendapatan

No	Sub Komponen 2 – Penjanaan pendapatan	Markah Maksima
1	Perundingan	33 (TIDAK BOLEH melimpah kepada Sub Komponen 1)
2	Endowmen	
3	Hadiah	
4	Pengkomersialan Produk / <i>Technology Know How</i>	
5	Persidangan	
6	Kursus (non-degree program)	

3.2.1.1 Kriteria pemarkahan Input penyelidikan

- i. Skor bagi geran penyelidikan yang berlainan boleh melimpah antara sub komponen Geran Penyelidikan
- ii. Skor bagi penjanaan pendapatan yang berlainan boleh melimpah antara sub komponen Penjanaan Pendapatan
- iii. Skor dari Geran penyelidikan boleh melimpah kepada penjanaan pendapatan
- iv. Skor dari penjanaan pendapatan **TIDAK BOLEH** melimpah kepada geran penyelidikan
- v. Skor Ketua projek berdasarkan keseluruhan nilai geran yang diterima manakala skor ahli projek berdasarkan separuh dari nilai geran yang diterima.
- vi. Nilai minima geran penyelidikan yang diterima perlu mencapai nilai minima yang ditetapkan oleh Glosari MyRA II. (Rujuk 3.15)

Jadual 3.15 Nilai Minima Geran Penyelidikan

Jenis Geran	Sains Teknikal	Sains Sosial
Geran Universiti / National	RM 30,000	RM 30,000
Geran Industri	RM 20,000	RM 16,000
Geran Antarabangsa	RM 30,000	RM 10,000

Maklumat tambahan di bahagian lampiran adalah seperti berikut :

- i. Terma rujukan.
- ii. Agihan pemarkahan mengikut jenis geran berdasarkan klasifikasi staf, gred jawatan dan jenis lantikan.
- iii. Pengiraan pemarkahan mengikut jenis geran berdasarkan klasifikasi staf, gred jawatan dan jenis lantikan.
- iv. Agihan pemarkahan mengikut jenis penjanaan pendapatan berdasarkan klasifikasi staf, gred jawatan dan jenis lantikan.

3.2.2 Output Penyelidikan

Output penyelidikan terbahagi kepada dua iaitu kuantiti dan kualiti penerbitan. Kuantiti penerbitan adalah penulisan didalam Jurnal berindek, tidak berindeks, Bab dalam buku dan lain-lain penerbitan ilmiah. Manakala kualiti penerbitan adalah jumlah *Cumulative Impact Factor (CIF)*. Jadual 3.16 menunjukkan sub komponen bagi Kuantiti dan Kualiti Output Penyelidikan.


Jadual 3.16 Sub Komponen Bagi Kuantiti Dan Kualiti Output Penyelidikan.

	No	Penerbitan	Markah Maksima
Kuantiti	1	<i>Total Number of Publications in Citation-indexed Journals Including Refereed Proceedings.</i>	Tidak terhad dan boleh melimpah ke Sub Komponen Input Penyelidikan (Maksima 100 markah)
	2	<i>Cumulative Citation Index of Publications.</i>	
	3	<i>Total No. of Publications in Non-Citation-Indexed Journal.</i>	
	4	<i>Book Chapter</i>	
	5	<i>Other Publications</i>	
Kualiti	1	<i>Cumulative Impact Factor of Publications,</i>	

3.2.2.1 Kriteria Skor Pemarkahan bagi Output Penyelidikan

- i. Semua sub komponen dalam kuantiti penerbitan boleh melimpah di antara satu sama lain.
- ii. Lain-lain penerbitan ilmiah dihadkan kepada 20 kertas persidangan sahaja.
- iii. Sub komponen dibahagian kualiti tidak boleh melimpah ke sub komponen kuantiti dan sebaliknya.
- iv. Lebihan CIF dalam sub komponen kualiti boleh dijadikan markah BONUS sekiranya penyeliaan Pelajar Pasca Ijazah (PGS) dan Input Penyelidikan telah mendapat markah penuh.
- v. Bagi mengiktiraf kesulitan mendapatkan CIF yang tinggi untuk sesetengah kategori penyelidikan seperti Pengurusan dan Pendidikan, satu pekali telah ditetapkan untuk DG (Guru Bahasa) iaitu 0.1 dan pekali untuk penyelidik bukan Sains dan Teknologi iaitu 0.33. Ini bermakna seorang penyelidik bukan Sains dan Teknologi hanya perlu mencapai 33% sahaja dari sasaran yang telah ditetapkan untuk penyelidik Sains dan Teknologi.

Carta Aliran Komponen Penyelidikan



Maklumat tambahan di bahagian lampiran adalah seperti berikut :

- i. Terma rujukan
- ii. Agihan pemarkahan mengikut jenis penerbitan berdasarkan klasifikasi staf, gred jawatan, Pusat tanggungjawab dan jenis lantikan.
- iii. Pengiraan pemarkahan mengikut jenis penerbitan berdasarkan klasifikasi staf, gred jawatan pusat tanggungjawab dan jenis lantikan.

LAMPIRAN

Input Penyelidikan

i. Terma rujukan

Sub Komponen 1	Kategori	Glosari
A) Geran Penyelidikan	Dana Universiti / Dana Kerajaan	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah peruntukan yang diluluskan pada tahun semasa dari badan Universiti / Kerajaan (Bukan jumlah geran yang diluluskan)
	Dana Swasta	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah peruntukan pembiayaan swasta yang diluluskan pada tahun semasa hanya daripada badan-badan atau agensi luar (bukan jumlah geran yang diluluskan)
	Dana Antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah peruntukan pembiayaan antarabangsa yang diluluskan pada tahun semasa hanya dari badan, Institusi, agensi-agensi luar negara (Bukan jumlah yang diluluskan) Geran antarabangsa yang diterima daripada syarikat-syarikat antarabangsa yang berada di Malaysia tidak diambilkira.

Sub Komponen 2	Kategori	Glosari
B) Penjanaan Pendapatan	1. Perundingan	<ul style="list-style-type: none"> Pendapatan kasar daripada projek-projek perundingan yang diterima pada tahun semasa (Bukan pendapatan projek terkumpul) Ketua projek boleh menuntut keseluruhan jumlah nilai yang diterima manakala ahli projek boleh menuntut separuh dari nilai yang diterima.
	2. Endowmen	<ul style="list-style-type: none"> Jumlah nilai <i>endowment</i> berdasarkan kepada transaksi kewangan yang dianugerahkan oleh pihak luar kepada universiti/pusat pengajian untuk menujah sesuatu aspek ilmu pada tahun dinilai dan bukan kumulatif.

	3. Hadiah	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah nilai pemberian <i>gift</i> pihak luar kepada universiti termasuklah dalam bentuk kewangan, peralatan, bahan-bahan penyelidikan dan kemudahan (infrastruktur dan perkhidmatan) yang bernilai RM 5,000.00 dan ke atas pada tahun berkenaan dan bukan kumulatif untuk tujuan penyelidikan.
	4. Pengkomersialan Produk / <i>Technology Know How</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan daripada pengkomersialan atau <i>Technology Know How</i> bagi tahun semasa
	5. Persidangan	<ul style="list-style-type: none"> • Keuntungan daripada persidangan atau aktiviti seminar dalam bidang kepakaran pada tahun semasa • Bukti yang menunjukkan bahawa staf akademik terlibat sebagai penganjur atau penceramah/fasilitator diperlukan. Pengerusi/ketua boleh membuat tuntutan penuh manakala selebihnya boleh menuntut separuh sahaja.
